
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

BMT 202/3 – Mikologi

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan dalam Bahasa Malaysia

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. [a] Huraikan tentang ciri organisma dalam ALAM KULAT.
(10 markah)
- [b] Dengan merujuk kepada Alam Protozoa dan Alam Straminopila, buat perbandingan kedua-dua alam tersebut dengan Alam Kulat.
(10 markah)
2. [a] Huraikan tentang spora seks ALAM KULAT.
(10 markah)
- [b] Bagaimana secara lazimnya spora seks tersebut terhasil?
(10 markah)
3. [a] Huraikan perbandingan ciri-ciri kulat Filum Chytridiomycota dengan Filum Zygomycota.
(10 markah)
- [b] Huraikan tentang cara hidup mutulistik kulat.
(10 markah)
4. [a] Bincangkan tentang pembiakan aseks dan seks bagi kulat Ascomycetes.
(15 markah)
- [b] Namakan LIMA jenis askokarp (jasad pembuahan) yang dihasilkan oleh kulat Ascomycetes.
(5 markah)

5. [a] Apakah sel konidiogenus? Berikan ciri-ciri DUA jenis sel konidiogenus dalam Deuteromycetes.
(10 markah)
- [b] Berikan satu contoh kulat Deuteromycetes, namakan peringkat teleomorfnya dan nyatakan jenis askokarp yang dihasilkan serta kepentingan kulat tersebut.
(10 markah)
6. [a] Terangkan tentang struktur basidium dan basidiospora bagi kulat Basidiomycetes.
(10 markah)
- [b] Terdapat LIMA peringkat dalam sesuatu kitaran hidup kulat karat dan terdapat juga LIMA jenis spora yang dihasilkannya. Namakan kelima-lima peringkat dan jenis spora tersebut.
(10 markah)